



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KONTENA BAWA PRODUK KEKACANG DARI INDIA DIARAH PATAH BALIK, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	KONTENA MENGANDUNGI SERANGGA PEROSAK DIARAH PULANG KE INDIA, BH -ONLINE	
3.	KONTENA BAWA HASIL TANI DARI INDIA DIARAH PATAH BALIK, NASIONAL, BH -18	
4.	KONTENA BAWA PRODUK KACANG DIARAH PATAH BALIK, PELABUHAN KLANG, SH -22	
5.	NELAYAN ASING 'CARI MAKAN' PADA MUSIM TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UM -9	LAIN-LAIN
6.	GAJI MINIMUM PEKERJA SWASTA PERLU DINAIKKAN, DALAM NEGERI, UM -10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kontena bawa produk kekacang dari India diarah patah balik



Pegawai Maqis memeriksa produk kekacang dalam sebuah kontena di Pelabuhan Utara, Klang sebelum diarah berpatah balik pada Isnin. Serangga perosak (kanan) yang dijumpai pada produk kacang ditemui hasil pemeriksaan sebuah kontena dari India di Pelabuhan Utara, Klang.

PELABUHAN KLANG - Sebuah kontena yang masuk membawa produk kekacang dari India di Pelabuhan Utara, di sini, diarah berpatah balik selepas dikesan mengandungi serangga perosak.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Shamsul Akbar Sulaiman berkata, arahan berpatah balik itu dibuat pada Isnin.

Menurutnya, pemeriksaan pegawai Maqis mendapati kontena itu membawa muatan keluaran pertanian produk kekacang iaitu turmeric frits, mysdore dhall, toor dhall, green peas, moong dhall dan mochai yang dianggarkan seberat 19 tan metrik.



Pegawai Maqis memeriksa produk kekacang dalam sebuah kontena di Pelabuhan Utara, Klang sebelum diarah berpatah balik pada Isnin.

"Nilai dianggarkan RM150,271.22 yang diimport dari negara India ini mengandungi serangga perosak (*sitophilus zeamais*) di dalam kontena tersebut.

"Konsainan terbabit telah ditolak kemasukannya dan Jabatan Maqis telah mengarahkan konsainan tersebut dihantar pulang ke negara asal," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, kemasukan tumbuhan dan hasilnya bersama dengan perosak adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana mengimport barangan dengan perosak, penyakit atau bahan cemar.

Katanya, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



Serangga perosak yang dijumpai pada produk kacang ditemui hasil pemeriksaan sebuah kontena dari India di Pelabuhan Utara, Klang.

Jelasnya, pihak Maqis akan sentiasa komited memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke dalam Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan

cemar.

"Ini penting agar tidak menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan makanan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kontena mengandungi serangga perosak diarah pulang ke India



Penguat kuasa MAQIS memeriksa hasil pertanian dari India dikesan mengandungi serangga perosak di Pelabuhan Klang. - Foto Ihsan MAQIS

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mengarahkan sebuah kontena dihantar kembali ke negara asal

iaitu India selepas didapati membawa masuk hasil keluaran pertanian yang mengandungi serangga perosak.

Kontena berkenaan dibawa masuk melalui pintu Pelabuhan Klang Utara pada 9 Julai lalu dan mengandungi kunyit goreng dan produk kekacang seperti dal mysore, toor dal, kacang hijau, moong dal dan kacang kuda.

MAQIS dalam kenyataannya memaklumkan, pemeriksaan mendapati kontena terbabit mengandungi hasil keluaran pertanian dianggar seberat 19 tan bernilai RM150,271.

"Semua bahan diimport dari India itu mengandungi serangga perosak *Sitophilus Zeamais*.

"Konsainan terbabit ditolak kemasukannya dan MAQIS mengarahkan ia dihantar pulang ke negara asal.

"Kemasukan tumbuhan dan hasilan bersama perosak adalah kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta 728 kerana mengimport barangan dengan perosak, penyakit atau bahan cemar," kata kenyataan itu hari ini.

MAQIS berkata, sabit kesalahan syarikat yang membawa masuk boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Katanya, pegawai MAQIS di lapangan komited dalam memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisme yang dibawa masuk ke Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	18



Anggota penguat kuasa MAQIS memeriksa sebuah kontena hasil pertanian dari India yang mengandungi serangga perosak di Pelabuhan Klang, 9 Julai lalu. (Foto ihsan MAQIS)

Kontena bawa hasil tani dari India diarah patah balik

Pemeriksaan MAQIS dapati produk mengandungi serangga perosak

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebuah syarikat pengimport diarah menghantar kembali kontena berisi hasil pertanian seberat 19 tan ke negara asal India kerana bahan itu mengandungi perosak.

Kontena berkenaan dibawa ma-

suk melalui pintu Pelabuhan Klang Utara pada 9 Julai lalu dengan mengandungi Kunyit Goreng, Dhal Mysore, Toor Dal, Kacang Hijau, Moong Dal dan Kacang Kuda.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) memaklumkan, hasil pemeriksaan mendapati kontena terbabit mengandungi hasil keluaran pertanian dianggarkan seberat 19 tan bernilai RM150,271.

Serangga Sitophilus Zeamais

"Semua bahan diimport dari India itu mengandungi serangga perosak 'Sitophilus Zeamais'.

"Konsainan terbabit ditolak masukannya dan MAQIS mengarahkan ia dihantar pulang ke ne-

gara asal.

"Kemasukan tumbuhan dan hasil bersama perosak adalah kesalahan bawah Seksyen 14 Akta 728 kerana mengimport barangan dengan perosak, penyakit atau bahan cemar," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jika sabit kesalahan, MAQIS berkata, boleh dihukum denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

Katanya, pegawai MAQIS di lapangan komited memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisme yang dibawa masuk ke Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	SINAR HARIAN	PELABUHAN KLANG	22



Serangga perosak dijumpai dalam produk kacang selepas pemeriksaan kontena dari India di Pelabuhan Utara, Klang.

Kontena bawa produk kacang diarah patah balik

Produk diimport dari India dikesan mengandungi serangga perosak

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PELABUHAN KLANG

Sebuah kontena membawa produk kekacang dari India di Pelabuhan Utara diarah berpatah balik selepas dikesan mengandungi serangga perosak.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Shamsul Akbar Sulaiman berkata, pemeriksaan mendapati kontena tersebut membawa muatan keluaran pertanian

Sampel serangga perosak diambil untuk dianalisis.



KITA SELANGOR

produk kekacang seperti kunyit, kacang dal, bijian dal, kacang pea hijau, kacang hijau dan biji mochai dianggarkan seberat 19 tan metrik dengan jumlah keseluruhan bernilai RM150,271.22.

"Produk diimport dalam kontena dari India ini mengandungi serangga perosak (*sitophilus zeamais*).

"Produk ditolak kemasukan-nya dan Maqis mengarahkan supaya dihantar pulang ke negara asal," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, kemasukan tumbuhan bersama perosak adalah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 ke-



Pegawai Maqis memeriksa produk kekacang dalam kontena dari India.

rana mengimport barangan dengan perosak, penyakit atau bahan cemar.

Katanya, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

Tambahnya, Maqis akan sentiasa komited memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dibawa masuk ke dalam negara bebas daripada ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar.

"Ini penting supaya tidak mejeaskan sektor pertanian, peternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan serta kesihatan makanan," ujarnya.

Haaa...nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!

Karnival Rakyat
KARAWAKU

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Nelayan asing 'cari makan' pada musim tengkujuh

PETALING JAYA: Nelayan asing kerap kali dikesan 'bermaharaja lela' di perairan negara bagi mencuri hasil laut khususnya di Pantai Timur pada setiap kali tibanya musim tengkujuh.

Lebih malang lagi, bukan sahaja berani memungkah hasil laut negara sehingga 30 batu nautika dari pesisir pantai malah gerombolan itu turut menggunakan teknik pukut tunda ganding yang diharamkan oleh Malaysia.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu, Mat Yassim Mohamed berkata, pencerobohan perairan melibatkan nelayan asing di Pantai Timur adalah kegiatan bermusim dan bukannya berlaku pada setiap masa.

Menurutnya, musim tengkujuh yang melanda negeri di Pantai Timur bermula sekitar November hingga Mac menjadi pilihan nelayan asing untuk mencero boh perairan negara bagi melakukan aktiviti penangkapan ikan bagi mengelakkan daripada kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa.

"Mereka berani mencero boh masuk ke perairan kita kerana menggunakan kapal lebih besar yang mampu bertahan dalam keadaan laut bergelora.

"Pada masa sama, mereka ini akan menggunakan alasan untuk berlindung di pulau-pulau sekitar perairan Pantai Timur kononnya kerana cuaca buruk, sedangkan mereka sebenarnya melakukan aktiviti penangkapan ikan.

"Bagaimanapun, disebabkan ada perjanjian antara negara-negara jiran bahawa jika nelayan berlabuh untuk berlindung tindakan penguatkuasaan tidak boleh diambil terhadap mereka,"

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Mencedung padi

KEGIATAN mencedung atau menanam semula padi di tapak sawah dilakukan apabila pokok anak padi dicabut dari tapak semaian dan ditanam semula untuk proses pembesaran.

Mencedung boleh menghasilkan padi yang lebih tinggi dan berkualiti serta boleh dilakukan secara manual atau menggunakan jentera.

Langkah itu membolehkan pokok padi mendapat ruang yang secukupnya untuk menyerap semua nutrisi tanah, sekali gus tumbuh subur.

Kebanyakan petani memperoleh hasil tuaian yang tinggi menerusi kaedah mencedung.

■ PESAWAH melakukan kerja-kerja mencedung padi di Kampung Lubok Jambu, Kota Bharu, Kelantan semalam.
- UTUSAN/
KAMARUL BISMIL
KAMARUZAMAN

